

**AL-HIKMAH RETHORICAL DA'WAH THROUGH SUBTLE METHOD IN
"TENGCELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK" NOVEL WRITTEN BY HAMKA**

**RETORIK DAKWAH AL-HIKMAH MENERUSI KAEDAH LEMBUT DALAM NOVEL
TENGCELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK KARYA HAMKA**

Wan Sofiah Wan Ahmadⁱ & Zulkefli Ainiⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author). Pelajar Sarjana, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. wansofiah21@yahoo.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zulaini@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Al-hikmah is one of the da'wah rhetorical approaches which is most important in Islam based on surah An-Nahl verse 125. However, preachers now are seen to use less the appropriate approach for the target people. The research aims to study the rhetorical da'wah al-hikmah through subtle methods in the famous novel written by HAMKA. This study uses qualitative method that studies content analysis from books, journals, articles and existing writing. This study focuses only one method in al-hikmah rhetorical preaching that uses soft method in the novel Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck written by HAMKA. The study found rhetorical da'wah al-hikmah through gentle method 20 times, the form of encouragement examples "come on", "must" and "better" are used 5 times and the form of earns examples "hopefully" and "perhaps" are used 15 times.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Da'wah, rethoric, al-hikmah, novel, HAMKA.</i></p>
Abstrak	<p><i>Al-hikmah merupakan salah satu pendekatan retorik dakwah yang paling utama dianjurkan dalam Islam berdasarkan surah An-Nahl ayat 125. Walau bagaimana pun, pendakwah masa kini dilihat kurang menggunakan pendekatan yang sesuai untuk golongan sasaran dakwahnya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji retorik al-hikmah melalui kaedah lembut yang terdapat dalam novel terkenal karya HAMKA. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan bentuk analisis kandungan berdasarkan kajian yang diperolehi dari buku-buku, jurnal, artikel dan kajian ilmiah. Kajian ini memfokuskan kepada satu kaedah sahaja dalam retorik dakwah al-hikmah iaitu kaedah lembut dari aspek bahasa penulisan dalam terhadap novel Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck karya HAMKA. Hasil kajian mendapati retorik dakwah al-hikmah menerusi kaedah lembut berjumlah 20 kali iaitu, bentuk dorongan seperti "marilah", "haruslah" dan "lebih baik" adalah sebanyak 5 kali dan bentuk ganjaran seperti "moga-moga" dan "mudah-mudahan" adalah sebanyak 15 kali.</i></p> <p>Keywords: <i>Dakwah, retorik, al-hikmah, novel, HAMKA.</i></p>

PENDAHULUAN

Masalah yang sering dihadapi oleh pendakwah dalam berdakwah kepada sasaran dakwah ialah kekurangan persiapan diri dengan kemahiran asas dalam kepimpinan dan komunikasi, penguasaan ilmu dalam dakwah yang kurang mencukupi, tidak menggunakan

metode yang jelas, tidak menyelidiki latar belakang sasaran, perancangan dakwah yang kurang dan tidak gemar membuat kajian tentang masalah umat Islam (Aziz Mohd Zain, 2001). Terdapat pandangan negatif oleh masyarakat terhadap golongan pendakwah adalah satu cabaran dalam dakwah. Maka, pendakwah perlu membuat persediaan apabila turun ke medan dakwah buat kali pertama, iaitu dengan tidak terus mengupas sesuatu topik yang berat sebaliknya mendekati golongan sasaran dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan santai sebagaimana saranan Syeikh Abdurrahman Al-Bilaihiy (Syahidatul Akmal Dunya, 2015).

Bagi pendakwah yang terlibat secara rasmi atau tidak dalam medan dakwah, adalah menjadi kewajipan mereka menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik dalam mendekati golongan sasaran. Kegagalan menguasai dan menghayati sirah Nabawi serta kesempurnaan dan keistimewaan Baginda SAW adalah sebab utama yang melahirkan kepincangan dakwah dalam Islam (http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&ec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm).

Berdasarkan satu kajian di Indonesia, novel-novel oleh pendakwah dan ulama Nusantara, HAMKA mendapat peratusan undi yang tertinggi dari masyarakat awam berbanding novel-novel karya 10 orang penulis baru yang lain (Mohamad Mokhtar Hassan, 2010). Menurut HAMKA (2018), *al-hikmah* boleh digunapakai oleh pendakwah dalam mendekati masyarakat yang berfikiran sederhana. Maka, pengkaji menjalankan kajian mengenai retorik dakwah *al-hikmah* terhadap novel terkenal HAMKA, *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya HAMKA daripada terbitan Pustaka Dini cetakan tahun 2010 sebagai sampel kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dan teknik pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap *novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dengan melakukan penelitian kajian literatur terhadap kajian lepas dan artikel jurnal mengenai retorik dakwah dalam penulisan. Pengkaji menganalisis data kandungan novel HAMKA yang menggunakan retorik dakwah *al-hikmah* menggunakan kaedah lembut.

BIOGRAFI HAMKA

Nama penuh HAMKA ialah Haji Abdul Malik Karim Amrullah. HAMKA adalah nama pena beliau dalam dunia penulisan dan dakwahnya. HAMKA merupakan akronim daripada nama penuh beliau (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2002). HAMKA yang dikenali sebagai Buya HAMKA oleh masyarakat Indonesia merupakan seorang ulama, sasterawan yang unggul, budayawan, pemikir, ahli politik dan pemimpin gerakan Islam. HAMKA lebih senang dikenali sebagai seorang pengarang.

HAMKA dilahirkan di Desa Kampung Molek, Minangjau, Sumatera Barat, Indonesia pada 17 Februari 1908. Beliau dibesarkan oleh keluarga yang sangat mementingkan pendidikan agama. Ayahnya, Haji Syeikh Abdul Karim bin Amrullah, seorang pelopor gerakan Islah (*tajdid*) di Minangkabau. Ayahnya juga seorang pengasas Sumatera Thawalib di Padang Panjang. HAMKA mempelajari bahasa arab dan ilmu agama di sini. HAMKA juga mengikuti pengajian agama di surau dan masjid yang disampaikan oleh ulama terkenal ketika itu seperti Syeikh Ibrahim Musa, Syeikh Ahmad Rasyid, Sultan Mansur, R. M. Surjopranoto dan Ki Bagus Hadikusumo (Zahiruddin Zabidi, 2015).

Pada Februari 1927 ketika HAMKA berusia 19 tahun, beliau telah berangkat ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji. Beliau bermukim selama 6 bulan di sana dengan tujuan menajamkan kemahiran bahasa Arabnya. Namun begitu, beliau tidak memaklumkan pemergiannya ke Makkah kepada ayahnya, bahkan hanya membawa wang yang sekadar cukup untuk menyewa kapal dari Medan ke Jeddah. Sekembalinya beliau ke tanah air disambut dengan rasa terharu oleh ayahnya lantas menikahkan HAMKA dengan seorang gadis bernama Siti Raham (Mohd Azli, 2015).

HAMKA telah meninggal dunia pada 24 Julai 1981, namun jasa dan pengaruhnya masih terasa sehingga ke hari ini. Menurut Zul'Azmi Yaakob (2012), HAMKA bukan sahaja cukup terkenal sebagai sarjana Muslim mahupun ulama di negara kelahirannya Indonesia, tetapi juga di dunia Melayu Nusantara seperti Malaysia, Brunei, Singapura dan Thailand (di bahagian selatan). Beliau mempunyai kepakaran yang tidak disangkalkan lagi dalam bidang akidah, falsafah, tasawuf, tafsir, politik, pemikiran Islam dan sastera. Kehidupan beliau dalam era moden begitu banyak memberikan pengaruh kepada masyarakat Melayu di Nusantara sezaman dan selepasnya.

Setakat rekod hari ini, didapati HAMKA telah menulis sekurang- kurangnya 103 judul karya dan telah diterbitkan. Namun, terdapat pendapat mengatakan karya beliau yang berjaya diterbitkan adalah sebanyak 118 buah. Terdapat empat karya karyanya yang sering diulang cetak iaitu *Tafsir al-Azhar*, *Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck*, *Di Bawah Lindungan Ka'bah* dan *Merantau ke Deli*. Karya-karya HAMKA menerima sambutan yang memberangsangkan di luar negara sehingga dialih bahasa sebanyak 33 bahasa (http://www.malaycivilization.com.my/atma_tpkh/buya-HAMKA/).

NOVEL TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK

Buku *Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck* (TKWDW) mula dicetak pada tahun 1938 ketika HAMKA berusia 31 tahun. Pada mulanya, ia ditulis dan diterbitkan secara bersiri dalam majalah *Pedoman Masyarakat*. Kemudiannya, ia diterbitkan dalam bentuk buku dan jualan buku tersebut laris dalam masa yang singkat. Ia menjadi fenomena ketika itu, kerana gaya penceritaannya meskipun berkisar cinta dan adat, namun selitan dakwah dalam karya tersebut menjadikan karya ini berbeza berbanding karya penulis lain ketika itu.

Menurut HAMKA (2009), novel TKWDW merupakan kemuncak penulisan novelnya setelah beliau bermula daripada penulisan novel cinta. Sebelum itu, HAMKA telah menulis novel *Si Sabariah*, kemudian novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. HAMKA mengakui bahawa selepas novel TKWDW, tidak ada novel-novelnya yang lain yang mampu menandingi sambutan hebat yang diterima novel itu.

Buku yang setebal lebih 347 muka surat ini memperincikan setiap watak dalam ceritanya tersendiri. Zainuddin merupakan watak utama dalam novel dan berperanan sebagai seorang lelaki dari Mengkasar yang merantau ke negeri asing demi mendalami agama, Hayati pula mewakili seorang gadis sunti Batipuh yang dijaga oleh adat resam setempat, Muluk pula mewakili kisah sahabat yang memberi motivasi kebangkitan Zainuddin yang lemah kerana cintanya, manakala Aziz mewakili watak antagonis sebagai suami yang mengabaikan perasaan isterinya, kasanova dan sering kali terlibat dalam perjudian. Watak tambahan seperti Khadijah, merupakan kawan Hayati yang sering kali memujuk Hayati untuk menerima abangnya, Aziz sebagai suami. Watak Datuk Garang merupakan penjaga Hayati yang amat berpegang teguh kepada adat resam.

Dari segi kandungan, novel TKVDW ini punyai penerangan sekitar cinta, adat resam dan perjuangan dalam memajukan hidup. Novel ini sangat bagus baik untuk memberi motivasi kepada mereka yang merasa lemah dalam menghadapi ranjau kehidupan. Novel ini juga memberi inspirasi kepada para wanita Muslim bahawa memilih jodoh yang baik agama dan akhlak juga merupakan hak wanita, demi menjaga hubungan kekeluargaan dari berlaku perceraian. Memiliki sahabat yang baik juga menjadi faktor pendorong kepada kejayaan seseorang.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan tentang retorik dakwah bukanlah sesuatu yang asing dalam dunia perkembangan ilmu Islam. Ilmu retorik dakwah telah berkembang semenjak penulisan al-Quran di zaman pemerintahan Saidina Uthman bin Affan sehingga kini. Ilmu retorik dakwah atau dikenali sebagai ilmu *balaghah* ini merupakan ilmu yang berlandaskan kejernihan jiwa dan ketelitian jiwa yang berjaya membuktikan keindahan dan kejelasan sesuatu ungkapan (al-Jarim, Ali & Musthafa Usman, 1987).

Al-Suyuti (t.th) menerangkan mengenai retorik dalam al-Quran. Beliau membahagikan ungkapan mesej al-Quran kepada beberapa unsur penceritaan, pemujukan dan peneguhan di samping penggunaan *majaz lughawi*, *tashbih*, *isti'arah* dan *kinayah*. Sayyid Qutb (2003) mengemukakan aspek penggambaran atau pengimejan wahyu retorik *ilahiyah* dengan menerangkan cara al-Quran menggambarkan perkara abstrak (*zihni*) dan *sam'iyat* sehingga mampu dirasai oleh pembaca melalui empat perkara iaitu khayalan *hissi* dan *tajsim*, penceritaan, irama dan jadal.

Terdapat beberapa penulis di Malaysia yang membuat kajian retorik dakwah yang menggunakan teori berdasarkan surah al-Nahl ayat 125. Berdasarkan surah tersebut, terdapat terdapat tiga pendekatan dakwah yang utama bagi pendakwah untuk mengajak khalayak untuk menerima Islam sebagai cara hidup; iaitu dengan pendekatan *bi al-hikmah*, *maw'izat al-hasanah* dan *al-mujadalah*.

Kajian yang bertajuk "*Penggunaan Retorik Dakwah dalam Ceramah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat di Youtube*" hasil tulisan Nor Raudah Hj. Siren, Dr. Badlihisam Mohd Nasir dan Monica @ Munirah Abd Razzak (2015) merupakan salah satu contoh kajian yang menggunakan ketiga tiga pendekatan retorik dakwah iaitu *al-hikmah*, *maw'izat al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Kajian ini menggunakan metode kajian melalui pengucapan dakwah Tuan Guru Nik Aziz yang pelbagai seperti kuliah, ucapan, ceramah, syarahan dan pengkisahan hidup. Pengucapan dakwah beliau mula dimuat naik ke dalam bentuk youtube bermula tahun 2007 oleh perbagai pihak. Namun, pengkaji ini mengehendkan kajian ini hanya pada ceramah pada tahun 2012 sahaja. Mengikut analisis kajian tersebut, Tuan Guru Nik Aziz menggunakan pendekatan dakwah *bil hikmah* dalam ceramahnya yang merupakan metod utama dalam al-Nahl ayat 125.

Pendekatan *bil hikmah* terbahagi kepada dua bahagian iaitu lembut dan keras. Selain itu, pendekatan *maw'izat al-hasanah* turut digunakan oleh Tuan Guru Nik Aziz (TGNA) dalam ceramahnya. *Maw'izat al-hasanah* bermaksud nasihat yang baik, iaitu secara langsung (halus) atau secara terang. Pendekatan secara halus mengandungi kata kata tersirat sama ada kiasan, analogi, perbandingan, ironis atau penceritaan (*alegori*).

Pendekatan *al-mujadalah* turut digunakan oleh TGNA dalam ceramah ceramah beliau di *Youtube*. Beliau menggunakan hujah hujah sama ada secara pendalilan rasional dan pendalilan emotif. Analisis pendalilan rasional yang dibuat terhadap kajian ini dibahagi kepada pendalilan *naqli* (nas-nas al-Quran dan hadis) dan pendalilan *'aqli* (logik akal). Pendalilan emotif pula dibahagikan kepada tiga kaedah iaitu *satira* (sindiran), *eulogi* (pujian) dan *pathos* (hujah berbentuk emosi).

Selain itu, terdapat kajian yang menggunakan hanya satu pendekatan retorik dakwah dalam hasil kajiannya iaitu *maw'izat al-hasanah*. Kajian tersebut bertajuk "*Maw'izat al-Hasanah Menerusi Dialog Rasulullah SAW: Kajian Sahih Bukhari kitab al-Adab*" tulisan Aishah Mohamad Said (2013). Hasil kajian tersebut mendapati pendekatan *maw'izat al-hasanah* digunakan secara meluas dalam dialog Rasulullah S.A.W berdasarkan hadis yang sahih dalam kitab *al-Adab*. Antara nilai tersebut ialah keistimewaan ibu, interaksi dengan kanak-kanak, rahmat dan kasih sayang Allah terlalu luas, berlemah lembut dengan non Muslim, kesopanan penggunaan bahasa kiasan, menahan kemarahan, perumpamaan seorang Muslim, penggunaan ucapan yang bersesuaian dan menghadapi kiamat. Pengkaji juga memberikan panduan kepada pembaca dalam menyampaikan retorik *maw'izat al-hasanah* menerusi dialog.

Pemilihan retorik *al-mujadalah* berdasarkan surah *al-Nahl* ayat 125 pula dapat dilihat menerusi kajian yang bertajuk "*Retorik Al-Mujadalah Nabi Ibrahim A.S di dalam Al-Quran*" tulisan Nor Raudah Hj. Siren, Badlihisam Mohd Nasir, Rohaily Abd Rahman dan Ashraf M. Zedan (2016). Kajian tersebut mendapati bahawa Nabi Ibrahim menggunakan pendekatan retorik *al-mujadalah* dalam menyampaikan risalah dakwahnya kepada beberapa beberapa golongan seperti ahli keluarga, masyarakat awam dan pemerintah yang zalim berdasarkan beberapa ayat dalam lima surah yang terdapat dalam Al-Quran. Kajian ini memilih untuk menganalisis penggunaan retorik *al-mujadalah* dengan membahagikannya kepada dua aspek iaitu pendalilan rasional dan pendalilan secara

emotif. Namun begitu, hasil kajian mendapati bahawa Nabi Ibrahim AS banyak menggunakan pendalilan rasional dalam mujadalahnya kepada sasaran dakwahnya, berdasarkan kitab Al-Quran.

Kajian mengenai pendekatan dakwah *bi al-hikmah* pula terdapat dalam kajian yang bertajuk "*Pendekatan Dakwah Bi Al-Hikmah: Bila Harus Berkata Dan Bila Harus Diam (Satu Sorotan Ringkas)*" tulisan Zikmal Fuad (2014). Kajian kualitatif ini memberi contoh situasi yang dihadapi oleh Rasulullah S.A.W dan nabi Sulaiman A.S ketika mana berhadapan dengan sasaran dakwah yang pelbagai serta pendekatan dakwah al-hikmah yang dilakukan oleh mereka dalam menghadapi situasi tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian berkenaan retorik dakwah yang menggunakan teori retorik berdasarkan surah *al-Nahl* ayat 125. Kajian mengenai retorik dakwah berdasarkan surah *al-Nahl* ayat 125 seperti *al-hikmah*, *maw'izat al-hasanah* dan *al-mujadalah* terhadap pendekatan para Rasul dan tokoh-tokoh agama banyak diperolehi melalui penulisan bukan fiksi seperti teks ucapan, kitab-kitab dan ayat Al-Quran itu sendiri. Oleh itu, pengkaji menetapkan untuk mengkaji retorik dakwah *al-hikmah* berdasarkan surah *al-Nahl* ayat 125 menerusi kaedah lembut yang terdapat penulisan fiksi seperti novel terkenal karya ulama Nusantara iaitu HAMKA.

DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN

Retorik

Retorik pada asalnya bermula perkataan Yunani iaitu '*rethor*' yang bermaksud pidato, iaitu merujuk kepada seni penggunaan bahasa dalam pertuturan atau penulisan dengan untuk tujuan memujuk, mempengaruhi dan meyakinkan orang. Seni seperti ini sering kali digunakan dalam karya prosa seperti teks pidato. Maka, retorik adalah perkara yang berkaitan dengan seni pemilihan perkataan, susunan ayat dan penggunaan bunga-bunga bahasa (Crowley et.al, 1999).

Dakwah

Menurut Abd Karim Zaidan (2002), dakwah dari segi bahasa ialah perkataan Arab yang merupakan *masdar* (kata nama) yang berasal daripada perkataan *da'a*, *yad'u*, *da'watan* yang memberi makna seruan, panggilan atau undangan. Firman Allah:

﴿وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۗ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ﴾

Maksudnya, "Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik dan betul" (al-Quran. Al-Baqarah: 186).

Berdasarkan kedua maksud ayat al-Quran di atas, dakwah secara adalah seruan atau panggilan ke jalan Allah.

Al-Hikmah

Menurut Ali al-Murshid (1989), *al-hikmah* membawa maksud lembut, rahmat, kasih sayang, perkataan yang baik dan tenang. Selain itu, ia turut membawa maksud tegas dan keras yang bertujuan memujuk atau mempengaruhi khalayak. Oleh yang demikian, pengkaji membahagikan retorik dakwah *al-hikmah* kepada dua kaedah iaitu lembut dan tegas.

Kaedah Lembut

Kaedah lembut dalam dakwah termasuk perkara yang akan menjadikan dakwah itu indah, sehingga dakwah itu akan lebih kuat menarik hati manusia dan menghasilkan tujuan. Tanpa kelembutan, dakwah itu akan kelihatan buruk (Fadhil Ilahi, 1996). Kelembutan itu seseorang mampu berasa lebih selesa, lebih damai dan lebih membawa ketenangan. Allah memerintahkan supaya Nabi Musa A.S dan Nabi Harun A.S berdakwah secara lembut kepada Firaun yang zalim:

﴿ اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴾

Maksudnya, "Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut" (Al-Quran. Taha: 43-44).

Menurut Sayyid Qutb (2000), perkataan yang lembut dapat membangkitkan kesedaran terhadap hati manusia dan mendorong orang yang zalim takut kepada akibat kezalimannya. Maka dalam konteks kajian ini, kaedah lembut menjadi asbab sasaran dakwah untuk berasa takut untuk melakukan kemungkaran.

Bentuk-bentuk retorik dakwah *al-hikmah* yang boleh dikatakan sebagai kaedah lembut dalam retorik dakwah *al-hikmah* ialah bentuk dorongan dan bentuk ganjaran (Nor Raudah Siren, 2015). Bentuk dorongan dan ganjaran ini diambil daripada kaedah kaedah lembut yang bersifat *targhib*. *Targhib* ialah perkara yang dapat mendorong keinginan sasaran dakwah, menggemari serta merangsang mereka untuk menerima kebenaran dan tetap di atas jalan tersebut (Abd Karim Zaydan, 1976). *Targhib* menggunakan pendekatan yang berbentuk pujukan, dorongan atau seruan cara baik sebagai satu motivasi kepada seseorang untuk melakukan perilaku yang baik (Budaiwi A.A, 2002). Bentuk dorongan berpotensi merangsang sasaran dakwah untuk menerima dan berpegang teguh kepada kebenaran (Abd Karim Zaydan, 2002). Maka, dorongan menjadi salah satu bentuk dalam retorik dakwah *al-hikmah* menerusi kaedah lembut.


Targhib juga merupakan satu bentuk galakan dan motivasi kepada manusia agar mereka sentiasa meningkatkan ketakwaan serta keperibadian mereka kepada Allah SWT. Selain itu, *targhib* juga adalah janji-janji baik dan ganjaran pahala orang soleh (Al-Mundhiri, t.th). Oleh yang demikian, ganjaran juga merupakan bentuk yang terdapat dalam retorik dakwah *al-hikmah*. Ganjaran menjadi faktor pemangkin semangat yang lebih baik berbanding celaan dan hukuman (H.Balnadi Sutadiputra 1982). Perkataan yang wajar diguna pakai oleh pendakwah yang menggunakan bentuk ini terhadap sasaran dakwah adalah dengan menyatakan ganjaran-ganjaran yang bakal diperolehi mereka terutama di akhirat kelak seperti syurga dan rahmat Allah.

Oleh yang demikian, retorik dakwah *al-hikmah* dapat dikesan melalui penggunaan perkataan yang bermaksud dorongan yang mengandungi nasihat (kata-kata) yang memberangsangkan dan galakan (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=dorongan>). Perkataan seperti marilah, hendaklah, menyeru, ajak dan harus dapat memberi dorongan kepada sasaran dakwah tanpa membuat mereka rasa terpaksa melakukan sesuatu. Perkataan yang menunjukkan sesuatu yang diberikan atau diterima sebagai tanda balasan juga menunjukkan ganjaran (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ganjaran>). Perkataan seperti moga-moga, mudah-mudahan dan janji-janji yang baik daripada Tuhan dapat membuatkan sasaran dakwah lebih bersemangat untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Bentuk dorongan boleh digunakan bagi menggalakkan manusia untuk melakukan kebaikan dan mencegah keburukan. Kaedah ini dilakukan bagi mengelakkan rasa tidak selesa orang sasaran dakwah jika ditegur secara langsung. Maka, pendakwah boleh menggunakan bentuk dorongan kepada perkara kebaikan terhadap sasaran dakwah bagi menegah mereka dari melakukan sesuatu keburukan (Ab Aziz Mohd Zain, 2001).

Ganjaran pula bermaksud hadiah untuk perbuatan yang baik, membalas jasa baik dengan hadiah atau kurniaan tertentu (Kamus Dewan, 2005). Ganjaran merupakan satu

bentuk dakwah yang mengandung nasehat yang mengatur hidup manusia serta mendorong manusia untuk mematuhi hukum Allah secara sukarela (Abd Karim Zaydan, 2002). Ganjaran yang dimaksudkan termasuk manfaat yang diperoleh di dunia dan ganjaran Allah di akhirat. Kedua – dua bentuk ini boleh digunakan dalam kaedah lembut retorik dakwah al-hikmah. Model 1 menunjukkan retorik dakwah al-hikmah menerusi kaedah lembut.



Model 1: Retorik Dakwah Al Hikmah Menerusi Kaedah Lembut

Kaedah Lembut dalam Novel TKVDW

Terdapat beberapa kaedah lembut dalam novel TKVDW seperti berikut:

Bentuk Dorongan

Bentuk dorongan yang terdapat dalam novel TKVDK dapat dikesan melalui perkataan “marilah”, “hendaklah”, “menyeru”, “harus” dan “lebih baik”. HAMKA menggunakan perkataan “seruan” dalam watak Muluk yang merupakan sahabat Zainuddin dalam mendorong Zainuddin agar kembali bangkit daripada kekecewaannya terhadap penolakan cinta Hayati yang telah mengahwini Aziz.

“Seruan dan pemandangan saya adalah seruan dan pandangan dari seorang yang telah mengalami, seorang yang telah menderita, memberi ingat kepada temannya” (Novel TKVDW, h. 230).

Perkataan “harus” memberi maksud tidak boleh tidak, tidak dapat tidak, mesti, patut, wajib, boleh jadi, mungkin, tidak mustahil (berlaku, terjadi), mungkin, boleh dilakukan dan boleh juga ditinggalkan (Kamus Dewan, 2005). HAMKA menggunakan perkataan harus yang menunjukkan dorongan dalam perenggan terakhir bab 17 tanpa menyebut kata-kata tersebut daripada mana-mana watak dalam novel TKVDW.

*“Di belakang kita berdiri satu tugu yang bernama nasib, di sana telah tertulis rol yang akan kita jalani. Meskipun bagaimana kita mengelak dari ketentuan yang tersebut dalam nasib itu, tiadalah dapat, tetapi **harus** patuh kepada perintah-Nya”* (Novel TKVDW, h. 241).

Namun, menurut petikan di atas, harus yang dimaksudkan HAMKA lebih berat kepada maksud wajar mematuhi perintah Allah walau bagaimanapun nasib yang dihadapi oleh manusia. Ini mendorong manusia rasa bertanggungjawab untuk patuh pada suruhan Allah.

Kata ajakan “marilah” juga sangat sesuai digunakan bagi mengajak manusia melakukan kebaikan bersama-sama. Perkataan ‘mari’ bermaksud, sini, perkataan untuk membuat sesuatu, ayuh, silakan. HAMKA menggunakan perkataan ‘marilah’ dalam surat yang ditulis oleh watak Hayati kepada sahabatnya dan juga adik iparnya, Khadijah bagi mendorong beliau untuk menasihati suaminya, Aziz yang gemar berfoya foya dan berjudi agar kembali sedar.

*“Perbicaraanmu amat berpengaruh kepadanya, itulah sebab saya sampaikan. Dan ketahuilah olehmu sahabat, bahawasanya kasih sayangku, sedikit pun tidak berubah kepadanya. Jika kiranya dia lupa, biarlah dia kembali sedar. **Marilah** kita perbaiki bersama-sama”* (Novel TKVDW, h. 250).

HAMKA juga menggunakan perkataan “lebih baik”, “alangkah baiknya” dalam perbualan antara watak bagi menggambarkan dorongan untuk melaksanakan sesuatu yang lebih memberi manfaat.

Watak Zainuddin menggunakan perkataan “lebih baik” dalam mendorong ibu saudaranya, Mak Base untuk berfikir secara baik dalam menerima keputusan Zainuddin yang ingin ke negeri Padang, bagi menjalinkan hubungan kekeluargaan pihak bapanya serta mendalami ilmu agama di sana.

***Lebih baik** kita tekankan perasaan hati, Mak Base. Kerana tidak akan terdapat selamalamanya di dunia ini orang yang tiada bersedih hati akan berpisah-pisah, kalau mereka telah dipertalikan dengan budi bahasa. Sedang berangkat ke Mekkah lagi ditangisi orang juga. Tetapi akan dapatkah lantaran kesedihan dan tangis itu perjalanan diundurkan?* (Novel TKVDW, h. 22).

Manakala, dalam petikan lain juga terdapat penggunaan perkataan yang digunakan oleh HAMKA yang menunjukkan dorongan ke arah lebih baik, iaitu melalui petikan perbualan Khadijah dengan ahli keluarganya. Khadijah menggunakan perkataan “alangkah baiknya” dalam mengajak keluarganya untuk menerima sahabatnya, Hayati menjadi sebahagian daripada keluarga mereka.

“Alangkah baiknya jika kita berkarib dengan dia”, ujar Khadijah memutuskan perbincangan saudaranya sambil tersenyum! (Novel TKVDW, h.136).

Bentuk Ganjaran

HAMKA menggunakan bentuk ganjaran dalam novelnya dengan memberi harapan kepada sasaran tentang ganjaran yang akan diperolehi dengan menggunakan perkataan “harap”, “mudah-mudahan”, “moga-moga” dan ayat lain yang menunjukkan maksud harapan.

Melalui watak Zainuddin, beliau telah berbual dengan ibu angkatnya, Mak Base yang telah menyumbang wang yang banyak kepadanya demi belajar agama di Padang dan Mak Base hanya meminta Zainuddin membalas jasanya dengan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat untuk dirinya, setelah dia meninggal dunia. Maka, Zainuddin memberi harapan tentang ganjaran Tuhan kepada ibu saudaranya agar dilindungi Allah.

Zainuddin mendekati kepada orang tua itu, mencium keningnya: “Perempuan yang bahagia, moga-moga Allah melindungimu!” katanya (Novel TKVDW, h. 19).

Selain itu, watak penjaga Hayati meminta agar Zainuddin segera berangkat pergi dari Batipuh, bagi mengelakkan kata-kata kurang manis masyarakat tempatan terhadap hubungan akrab antara Zainuddin dan Hayati. Zainuddin terasa berat hati namun, beliau memberi dengan ucapan ‘moga-moga’ dan memberi kata doa agar Allah memberi ganjaran perlindungan kepada Zainuddin.

“Berilah saya keputusan, berangkatlah!”. “Ba ... iklah, Engku!” Didekatinya Zainuddin, ditepuknya bahu anak muda itu dengan perlahan seraya berkata: “Moga-moga Allah memberimu perlindungan” (Novel TKVDW, h. 79).

Melalui watak Hayati, penggunaan perkataan “harap” dapat dilihat apabila Hayati cuba menggalakkan Zainuddin agar menerima dirinya sebagai isteri dengan melupakan kekecewaan atas penolakan cintanya suatu ketika dahulu. Lalu, Hayati mengemukakan janjinya untuk tidak berharap sebarang ganjaran daripada Zainuddin melainkan berharap ganjaran daripada Allah untuk memberikan Zainuddin rasa kegembiraan jika memilihnya.

*“..Dan kalau sedianya engkau kabulkan, kalau sedianya engkau terima kedatanganku, saya pun tidak meminta upah dan balasan dari engkau. Upah yang saya **harapkan** hanya dari*

Dia, Allah Yang Maha Esa, supaya engkau diberinya bahagia, dihentikan aliran air matamu yang telah mengalir sekian lama” (Novel TKVDW, h. 320).

HAMKA menunjukkan kaedah ganjaran melalui watak Zainuddin dengan menyatakan harapan Zainuddin. Zainuddin berusaha keras menuntut ilmu dunia dan ilmu agama, agar suatu masa kelak Allah memberi ganjaran kepadanya untuk mengaplikasikan ilmu tersebut dalam mengharungi kehidupannya bersama-sama dengan Hayati.

*Dia hidup di Padang Panjang dengan pengharapan demikian. Dituntutnya ilmu baik keduniaan atau ilmu akhirat, dengan **pengharapan** bahawa nanti dengan ilmu itulah bekalnya menempuh hayat, bersama perempuan yang berjanji (Novel TKVDW, h. 288).*

HAMKA turut mengemukakan bentuk ganjaran dengan menggunakan perkataan “mudah-mudahan” kepada pembaca dalam pada satu petikan dalam novelnya agar sifat buruk yang dimiliki oleh Aziz, watak antagonis yang gemar berjudi dan berfoya-foya akan semakin hilang apabila memperisterikan Hayati yang memiliki ilmu agama.

*“**Mudah-mudahan** keborosan dan fikiran muda saudara itu dapat berubah jika mendapat isteri sebagai Hayati yang alim itu. Apa lagi Hayati cantik benar, perasaan kampungnya dapatlah dibentuk supaya lebih maju, jika kelak tinggal di kota. Apa lagi kota sebagai Padang” (Novel TKVDW, h. 131).*

Selain itu, HAMKA juga menggunakan kaedah ganjaran melalui harapan dan keyakinan yang tinggi bahawa Tuhan akan bersama-sama hamba-Nya walaupun berada dalam kesulitan, dengan menyandarkan kepada sifat-sifat mulia Allah seperti Maha Mendengar, Maha Memberi, Maha Penyayang, Maha Pengampun dan sebagainya.

HAMKA turut menggunakan kaedah ganjaran dalam novel TKVDW. Salah satunya adalah melalui watak Zainuddin yang memberi harapan kepada Hayati bahawa Tuhan tidak akan mensia-siakan hamba-Nya dan akan memberi panduan hidup pada mereka tatkala mereka memerlukan, dengan syarat mereka sentiasa mengingatiNya setiap waktu.

*“Kalau ada kepercayaanmu demikian, maka **Tuhan tidaklah akan menyia-nyiaikan engkau**. Sembahlah Dia dengan khusyuk, ingat Dia pada waktu kita senang, supaya Dia ingat pula kepada kita pada waktu kita sengsara. Dialah yang akan membimbing tanganmu. Dialah yang akan menunjukkan haluan hidup kepadamu. Dialah yang menerangi jalan yang gelap...” (Novel TKVDW, h. 71).*

Watak Hayati pula memberi harapan kepada Zainuddin dengan meyakini bahawa Allah mendengar doanya dengan menjadikan Zainuddin sebagai suaminya di dunia, atau memberi ganjaran tersebut di akhirat.

*“... Dan selalu saya berkata, **biar Tuhan mendengarkan**, bahawa engkau yang akan jadi suamiku kelak, jika tidak sampai di dunia, biarlah di akhirat. Dan saya tiadakan khianat kepada janjiku, tidak akan berdusta di hadapan Tuhan, dan di hadapan arwah nenek moyangku,” ujar Hayati (Novel TKVDW, h. 90).*

Watak Muluk menggunakan kaedah ganjaran Tuhan yang sangat banyak terutama dalam memberi motivasi kepada sahabatnya, Zainuddin supaya bangkit daripada berterusan menangi kekecewaan hidupnya. Muluk memberi galakan kepada Zainuddin untuk bangkit daripada kekecewaannya kerana Hayati telah memilih Aziz sebagai suami berbanding dirinya. Maka, Muluk memberi harapan kepada Zainuddin bahawa Allah akan memberi ganjaran atas kesabarannya itu dengan menyimpan kebahagiaan untuk dirinya di kemudian hari.

*"Kelak Tuan akan merasakan sendiri bahawa hidup yang begini telah dipikirkan Allah buat kebahagiaan tuan. **Allah telah sediakan hidup yang lebih beruntung dan lebih murni untuk kemaslahatan Tuan di belakang hari**" (Novel TKVDW, h. 207).*

Watak Muluk turut memberi harapan kepada dirinya, meskipun dia adalah orang 'parewa' iaitu orang yang pernah terlibat dalam perjudian dan bersabung ayam, namun dia ingin mengubah dirinya menjadi lebih baik. Malah, Muluk meyakini keperibadian Zainuddin untuk dicontohi dan meyakini bahawa hakikat manusia tetap ingin berada dalam kebenaran, walaupun dia bukan orang baik.

*"Benar, sebab dari Guru banyak kebaikan yang akan contoh, saya hendak menuntut kehidupan yang baru meninggalkan baju "parewa" saya. Saya hendak tunduk dan kembali ke jalan yang benar, kerana sejauh-jauh tersesat, **kepada kebenaran jugalah kita akan kembali**" (Novel TKVDW, h. 234).*

Muluk meskipun pada asalnya banyak memberi motivasi kepada Zainuddin, namun di akhir penceritaan Muluk menyebelahi Hayati yang telah insaf dan ingin kembali kepada Zainuddin. Muluk tetap memberi harapan kepada Hayati apabila Zainuddin enggan menerima cintanya lantaran kekecewaan. Maka, Muluk memujuk Hayati agar bergantung harap kepada Allah kerana Allah sentiasa sayang pada hamba-Nya.

*Dengan tangis terisak-isak baru dia dapat berkata "Sampai hati betul Zainuddin menyuruhku pulang, Bang Muluk""Kuatkan hatimu, hai perempuan muda! Jangan Tuhan kaulupakan, **Dia senantiasa sayang akan hamba-Nya!**" (Novel TKVDW, h. 314).*

Watak Hayati yang mengalami kekecewaan kerana cintanya tidak diterima oleh Zainuddin yang masih berkecil hati padanya. Maka, dalam surat Hayati yang terakhir kepada Zainuddin menyatakan bahawa meskipun Zainuddin tidak menerima keinsafan Hayati, namun Allah tetap memberi ganjaran dengan mengampuni taubat dosa-dosa hamba-Nya apabila mereka bertaubat.

*"Setelah semuanya itu kuderita, harus kudengar pula dari mulutmu sendiri kata penyesalan, yang oleh Tuhan sendiri pun kalau kita bertaubat kepada-Nya, **walaupun bagaimana besar dosa, akan diampuni-Nya**" (Novel TKVDW, h. 323).*

Watak Zainuddin menjanjikan ganjaran atas kebaikan Mak Base menjaga rumah mereka iaitu; sekiranya salah seorang daripada mereka berdua meninggal terlebih dahulu, maka rumah itu akan dimiliki oleh pihak satu lagi yang masih hidup.

*Rumah dan perkarangan yang kecil ini **jagalah baik-baik**. Pandanglah sebagai hak milik kita berdua. Mana di antara kita yang dahulu menutup mata, itulah yang memberi waris kepada yang tinggal (Novel TKVDW, h. 23).*

Watak Muluk memberi galakan kepada Zainuddin dengan meminta harapan daripada Zainuddin untuk memberikannya khabar gembira tentang penerimaannya terhadap Hayati dengan membawa Hayati ke rumah Zainuddin sebagai seorang isteri. Malah, Muluk turut menawarkan untuk menghantar Hayati ke rumah Zainuddin dengan syarat, Zainuddin mesti mengubah pendiriannya agar memaafkan serta menerima Hayati.

*"... Berikan kami **khabar yang menggembirakan**. Kalau pekerjaan dapat, boleh Hayati dijemput ke mari, atau saya menghantarkan. Cuma nasihat saya, ubahlah haluan hidupmu saudara!" (Novel TKVDW, h. 282).*

HAMKA mengemukakan bentuk ganjaran melalui perbualan watak-watak dalam novel dengan menyebut ganjaran dari Allah atas kesusahan, ujian dan kesakitan yang dilalui oleh watak yang lain. HAMKA juga mengemukakan kaedah galakan ini melalui kata katanya sendiri tanpa melalui perbualan watak di perenggan awal dan penutup bab.

HAMKA memberi galakan dengan menyatakan ganjaran ketenangan yang diberikan oleh Tuhan kepada insan yang bersabar atas segala kekecewaannya sebagaimana watak Zainuddin.

Seakan-akan dihadapinya semua alam yang permai itu, membangga menerangkan suka cita hatinya. Dia merasa bahawa keberuntungan yang demikian belum dirasainya selama hayatnya. Ini adalah sebagai ganjaran Tuhan atas kesabaran hatinya menanggung sengsara telah bertahun-tahun (Novel TKVDW, h. 61).

Ganjaran tidak semata-mata merujuk kepada balasan di akhirat. Malah, ganjaran di dunia juga adalah satu bentuk galakan kepada manusia untuk melakukan kebaikan. Watak Zainuddin menggunakan menyatakan ganjaran yang diperoleh apabila membuat kebaikan kepada manusia. Zainuddin meyakini bahawa jika dia berkemampuan dan membantu orang yang memerlukan, pastinya nanti ada orang lain yang akan memberi pertolongan kepadanya di saat dia memerlukan

“Ah, belum pernah saya memberi kepada saudara, saya hanya selalu menerima.” “Kerana belum waktunya,” kata Zainuddin dengan senyum: “Sekarang sedang saya berkesanggupan, tentu saya tolong. Kelak datang pula kesanggupan saudara, tentu saudara tolong pula saya”. “Terlalu baik saudara ini...”. “Yang baik hanya Tuhan”, jawab Zainuddin pula (Novel TKVDW, h. 280).

Kekerapan Kaedah Lembut Retorik Dakwah Al-Hikmah dalam Novel HAMKA

Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, pengkaji mendapati bahawa terdapat penggunaan kaedah lembut dari retorik dakwah al-hikmah yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya HAMKA, Jadual 5.1 menunjukkan kekerapan penggunaan kaedah lembut dari retorik dakwah *al-hikmah* di dalam *Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Kaedah Lembut dalam Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*

Kaedah	Bentuk	Muka surat	Jumlah
Lembut	Dorongan	22, 136, 230, 241, 250	5
Lembut	Ganjaran	19, 23, 61, 71, 79, 90, 131, 207, 34, 280, 282, 288, 314, 320, 323	15
		JUMLAH	20

Berdasarkan Jadual 1 di atas, kajian menunjukkan bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya HAMKA, kaedah lembut dalam retorik dakwah al-hikmah telah digunakan sebanyak 20 kali. Bentuk dorongan telah digunakan sebanyak 5 kali dan bentuk ganjaran digunakan sebanyak 15 kali. Hasil kajian ini membuktikan bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menerapkan retorik dakwah *al-hikmah* dalamnya.

PENUTUP

Salah satu bentuk pendekatan dakwah yang boleh diserapkan oleh pendakwah sama ada pengucapan awam atau penulisan ialah melalui retorik dakwah *al-hikmah*. Kajian ini telah membuktikan bahawa retorik dakwah *al-hikmah* dengan menggunakan kaedah lembut telah digunakan oleh HAMKA dalam novel terkenalnya, *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Malah, dalam retorik dakwah *al-hikmah* tersebut, bentuk yang boleh digunakan juga adalah bentuk dorongan dan bentuk ganjaran.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ab Aziz Mohd Zain. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd Karim Zaidan 1976 *Usul Dakwah*. Baghdad: Dar al-Bayan.
- Abd Karim Zaidan. 2002. *Usul Dakwah Islam dan Dakwah*. Terj. Solehan bin Ayub. Edisi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2002. *Pemikiran Etika HAMKA*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Aishah Mohamad Said. 2013. *Mauizatul Hasanah Menerusi Dialog Rasulullah Kajian Sahih Bukhari dalam kitab Al-Adab*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali bin Salleh al-Murshid. 1989. *Mustalzimah al-Da'wah fi al-Asr al-Hadith*. Kaherah: Matba'ah al-Hijr.
- al-Jarim, 'Ali & Musthafa 'Usman. 1987. *Al-Balaghah al-Wadiah*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Mundhiriyy, Imam al-Hafiz Zaki al-Din Abd al-Azim Ibn Abd al-Qawiy. T.th. *al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. T.th. *Kitab Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Cairo. Dar al-Fikr.
- Budaiwi A.A 2002 *Imbalan dan Hukuman: Pengaruhnya Bagi Pendidikan Anak*. Jakarta: Gema Insani
- Crowley et.al. 1999. *Ancient Rhetorics for Comtemporary Students*, 2nd ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Fadhl Ilahi. 1996. *Min Sifat al-Da'iyah Al-Layyin wa al-Rifq*. T.tp: Dar al-I'tisam li al-Tiba'ah.
- H.Balnadi Sutadiputra. 1982. *Aneka Problema Keguruan*. Bandung: Angkasa.
- HAMKA. 2009. *Kenang-Kenangan Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- HAMKA. 2018. *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Kamus Dewan . Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2010. Kertas Kerja dibentangkan International Conferens "Toward A Better Cooperation Between Indonesia and Othe Countries: Prospect and Retrospec". Jakarta: Universiti Indonesia Depok. 7 Ogos 2010.
- Mohd Azli 2015 *Ikon Islam*. Dalam Majalah I edisi 158. Selangor: Grup Majalah Karangkrif Sdn. Bhd.
- Nor Raudah Siren. 2015. *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Raudah Siren, Badlihisam Mohd Nasir & Monica@Munirah Abd Razzak. 2015.. *Penggunaan Retorik Dakwah dalam Ceramah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat di Youtube*. Dalam Yusmini Md Yusof, Nor Raudah Siren, Muhammed Yusof, Fakhrul Adabi Abdul Kadir (pnyt). *Isu Isu Semasa Media dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sayid Qutb. 2003. *Al-Taswir Al-Fanniyy Fi Al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Sayyid Qutb. 2000. *Fi Zilal al-Qur'an (Di Bawah Lindungan Al-Quran)*. Juzuk ke 16. Terj. Yusoff Zaky. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an (30 Juz)*. Cetakan 12. 2001. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Zahiruddin Zabidi. 2015. *Sisi Perjuangan Dakwah Penulisan Prof. Dr. HAMKA*. Dalam *Lalu Aku Hidup Sebagai Apa*. Selangor: Dubook Press. Sdn. Bhd.

Jurnal

- Nor Raudah Siren, Badlihisam Mohd Nasir, Rohaily Abd Rahman & Ashraf M. Zedan. 2016. *Isu Retorik Al-Mujadalah Nabi Ibrahim A.S di Dalam Al-Quran*. International Journal of Quranic Research QURANICA. 8 (1): 73 -90.
- Zikmal Fuad. 2014. *Pendekatan Dakwah bil Hikmah: Bila Harus Berkata Dan Bila Harus Diam (Satu Sorotan Ringkas)*. IRMIC International Research Managementand Innovation Conference 2014. Kuala Lumpur, 17-18 November 2014
- Zul 'Azmi Yaakob 2012 *Falsafah Alam dalam Konteks Falsafah Ketuhanan Menurut HAMKA*. International Journal of Islamic Thought Vol. 1. Hlmn 74.

Internet

Syahidatul Akmal Dunya 2015.

<http://www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/pendakwah-perlu-kreatif-dalam-berdakwah-1.395564> (Diakses pada 14 Julai 2018).

Utusan Melayu. Panel Penyelidikan, Yayasan Sofa, Negeri Sembilan. 2009.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm (Diakses pada 14/07/2018).

Persuratan Rujukan Persuratan Melayu.

<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ganjaran> (diakses pada 2/9/2018).

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=dorongan> diakses pada 2/9/2018).

Pusat Rujukan Sehentia Penyelidikan Alam Melayu UKM, Azah Aziz, 2018. *Buya HAMKA*

http://www.malaycivilization.com.my/atma_tpkh/buya-HAMKA/ (Diakses pada 15/7/2018).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.